**TERMA DAN SYARAT – KEMPEN "GADAI EMAS MENANG EMAS 2.0"**

TERMS AND CONDITIONS – "GADAI EMAS MENANG EMAS 2.0" CAMPAIGN

**Terma dan Syarat berikut adalah terpakai kepada Kempen Muamalat Pajak Gadai-i "Gadai Emas Menang Emas 2.0", anjuran Bank Muamalat Malaysia Berhad ("BMMB") 196501000376 (6175-W)**

*The following terms and conditions apply to Muamalat Pajak Gadai-i Campaign "Gadai Emas Menang Emas 2.0" by Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB) 196501000376 (6175-W)*

1. **Kempen ini adalah terbuka kepada Pelanggan Pajak Gadai-i BMMB baharu dan sedia ada; yang bermula dari 1 Mac 2024 sehingga 31 Disember 2024 ("Tempoh Kempen").**

   *The Campaign is open to new and existing BMMB Pajak Gadai-i customers; which commence from 1 March 2024 until 31 December 2024 ("Campaign Period").*

2. **Kriteria Kelayakan Pemilihan Pemenang**

   *Eligibility Criteria for Winner Selection*

   **2.1 Pemilihan Pemenang Hadiah Bulanan**

   *Monthly Prize Winner Selection*

   - **Pemenang bulanan akan dipilih berdasarkan 50 pelanggan teratas dengan jumlah pembiayaan baharu dengan syarat berikut:**
     - **mengekalkan akaun sedia ada sekurang-kurangnya 3 bulan dari tarikh pengeluaran pembiayaan.**
     - **Setiap pemenang hanya layak sekali sahaja dalam tempoh kempen**

     *Monthly winners will be selected based on Top 50 customers with new financing amount together with the following conditions:*
     - *to retain the existing account at least minimum 3 month from the date of financing disbursement.*
     - *Each winner only entitled once within the campaign period*

   **2.2 Pemilihan Pemenang Hadiah Utama**

   *Grand Prize Winner Selection*

   - **Pelanggan perlu mengekalkan akaun Pajak Gadai-i sedia ada, 3 bulan berturut turut sepanjang tempoh kempen. Setiap akaun yang dikekalkan melayakkan mereka untuk mendapat mata secara automatik seperti jadual di bawah:**

*Customers must maintain their Pajak Gadai-i existing account(s) 3 month consecutive within the campaign period. Every account maintained will entitle them for an automatic entry based on the table below:*

| **KATEGORI** *CATEGORY* | **JUMLAH PEMBIAYAAN** *FINANCING AMOUNT* | **MATA** *ENTRY POINT (EP)* |
|---|---|---|
| I | RM250 – RM10,000 | 5 |
| II | RM10,001 – RM20,000 | 10 |
| III | RM20,001 dan ke atas (and above) | 20 |

**Terdapat mata tambahan yang diberikan kepada pelanggan yang mengekalkan wang mereka di dalam akaun simpanan tawarruq atau akaun semasa tawarruq untuk tempoh minimum satu (1) bulan selepas pengeluaran**
*Additional entry point will be given to customer that retain their money for a minimum period of one (1) month after disbursement in Bank Muamalat's tawarruq saving account or tawarruq current account.*

| **KATEGORI** *CATEGORY* | **AMOUNT SIMPANAN** *DEPOSIT AMOUNT* | **MATA** *ENTRY POINTS (EP)* |
|---|---|---|
| IV | RM10,000 dan ke atas *(and above)* | 10 |

**2.3 Cabutan Hadiah Utama**
*Grand Prize Draw*

**Pemenang akan dipilih melalui sistem cabutan rawak selepas Tempoh Kempen berakhir.**

*Winners will be selected through a random system selection after the end of the Campaign Period.*

**2.4 Pemenang bulanan dan pemenang utama akan ditentukan oleh jawatankuasa pemilihan pemenang BMMB di mana keputusan adalah muktamad. Sebarang surat-menyurat, pertanyaan, rayuan, mahupun bantahan tidak akan dilayan bagi mana-mana situasi.**

*Monthly and Grand winners shall be determined by BMMB's winner selection committee whose decision shall be final and conclusive. No correspondence, queries, appeals or protest will be entertained in any event.*

**3. Notis pemberitahuan pemenang**
*Winner notification*

- **Nama pemenang bulanan dan pemenang utama akan dipaparkan di laman sesawang BMMB dan / atau surat khabar yang terpilih.**
  *The monthly winners and grand winners' names will be published in BMMB website and / or selected newspapers.*

**4. Hadiah-hadiah**
*Prizes*

**4.1 Hadiah-hadiah hendaklah didaftarkan di atas nama-nama pemenang (jika berkenaan). Pemenang Kempen ini hendaklah bertanggungjawab ke atas semua caj pindahmilik, pengangkutan, cukai, kadar, yuran kerajaan atau apa-apa caj yang boleh dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang, berhubung dengan pindah milik hadiah-hadiah tersebut (yang mana berkenaan).**
*Prizes must be registered in the name of the winners (if applicable).Winners of this Campaign shall be liable for registration, transportation charges, taxes, rates, government fees or any charges that may be levied against them under the applicable laws, if any in relation to ownership transfer on the prizes (if applicable).*

**4.2 Hadiah-hadiah tidak boleh dipindah milik atau ditukar (kepada tunai atau kepada saiz yang berbeza, warna, atau model selain daripada hadiah ditentukan oleh BMMB) dan tertakluk kepada Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini.**
*Prizes are neither transferable nor exchangeable (for cash or to different sizes, colors or models other than the prizes determined by BMMB) and subject to the Terms and Conditions stated herein.*

**4.3 Bank dengan ini tidak bertanggungjawab bagi apa-apa tanggungjawab cukai yang mungkin timbul daripada hadiah-hadiah atau penggunaannya. Sekiranya terdapat apa-apa tanggungjawab pemfailan cukai atau bayaran cukai (sekiranya ada) kepada jabatan berkuasa yang berkenaan lanjutan daripada penerimaan hadiah-hadiah ianya tetap di bawah tanggungjawab pemenang-pemenang sepenuhnya. Adalah menjadi**

**tanggungjawab pemenang untuk mendapatkan nasihat bebas mengenai tanggungjawab cukai yang mungkin timbul terhadap kepada kedudukan kewangan mereka.**
*The Bank accepts no responsibility for any tax responsibilities that may arise from the prizes or the use thereof. Any tax filing obligation or tax payment (if any) due to any tax authority as a result of receipt of the prizes remains the sole responsibility of the winners. It is the responsibility of the winners to seek an independent tax advice on possible tax responsibilities to their financial situations.*

4.4 **Hadiah-hadiah dalam Kempen ini tidak termasuk kos-kos lain seperti pengangkutan melainkan kos seperti yang dinyatakan di dalam terma dan syarat ini (jika ada).**
*The Campaign prizes do not include any other incidental expenses e.g. transportation whatsoever, unless expressly stated in these terms and conditions (if any).*

4.5 **Hadiah ini (yang mana berkenaan) tidak boleh ditebus atau ditukarkan dengan hadiah lain atau wang tunai. Pemenang-Pemenang hadiah mestilah menerima hadiah seperti sedia ada (*as it is*) dan mengakui bahawa pihak Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas nilai hadiah berikutan harga hadiah yang berbeza di pasaran ketika pemenang menebus/memungut hadiah pada masa seperti yang ditetapkan oleh pihak Bank.**
*The prizes (where applicable) are not redeemable or exchangeable for any other items or cash. Winners must accept the prizes 'as it is' and must acknowledge that the Bank shall not be held responsible in the value of the prizes due to the variation of prices in the market during the prize redemption/ collection by the winners at the time stipulated by the Bank.*

4.6 **Jika hadiah yang dimenangi (yang mana berkenaan) tidak dapat diperolehi atas apa juga sebab, Bank di atas budi bicara mutlaknya berhak menggantikan hadiah lain yang sama nilai dengan hadiah yang dimenangi atau dengan apa jua hadiah yang pihak Bank anggap sesuai dengan memberikan notis kepada Pelanggan sekurang-kurangnya empat belas (14) hari sebelum tarikh pengumuman pemenang dijadualkan akan dibuat oleh pihak Bank. Kaedah pemberitahuan boleh dilakukan secara bertulis melalui cara elektronik, atau dipaparkan di cawangan-cawangan Bank mahupun di laman sesawang Bank.**

*If the prizes (where applicable) are not available for whatsoever reason, the Bank reserves the right to substitute the prizes for any item at its absolute discretion of equivalent value or with any other items whichever the Bank deems appropriate upon the Bank issuing at least fourteen (14) days a prior notice to all Customers from the date prize winner announcement is scheduled to be made by the Bank. The mode of notifications could be in writing, via electronic means or displayed at the Bank's branches or websites.*

**4.7 Semua pemenang-pemenang (yang mana berkenaan) akan dihubungi oleh pihak Bank melalui telefon sekurang-kurangnya tiga (3) panggilan telefon kepada pemenang-pemenang bagi mengatur pemungutan/penyerahan hadiah. Pihak Bank akan menghubungi penandatangan yang sah melalui nombor telefon bimbit, nombor telefon pejabat atau nombor telefon rumah sepertimana yang terdapat di dalam rekod Bank. Sekiranya pemenang gagal dihubungi, pihak Bank berhak untuk membuat cabutan Pelanggan Yang Layak/Pelanggan yang lain sebagai pemenang. Wakil pemenang tidak dibenarkan untuk mengambil hadiah bagi pihak pemenang.**

*All winners (where applicable) will be contacted by the Bank, i.e. via telephone with a minimum of three (3) phone calls to arrange for collection/ delivery of the prizes. The Bank will contact the winners' authorised signatories i.e. via the Mobile Number, Office Number or Residence Number as stated in the Bank's records. In the event the winners are unable to be contacted by the Bank, the Bank reserves the right to conduct a draw for any Eligible Customers/Customers to be the winners. No representatives of the winners are allowed to collect the prizes.*

**4.8 Pemenang (yang mana berkenaan) mungkin akan dijemput untuk menghadiri majlis penyampaian hadiah atau majlis seumpamanya di lokasi dan tarikh yang akan ditetapkan kemudian. Pemenang-pemenang adalah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap segala perbelanjaan yang timbul bagi menghadiri majlis penyampaian hadiah tersebut.**

*Winners (where applicable) may be invited to attend a prize presentation ceremony or other publicity events (if any) at a location to be advised on a later date. Winners are fully responsible for all expenses incurred in attending the said prize giving ceremony.*

**4.9 Jika pemenang diketahui tidak memenuhi syarat-syarat penyertaan Kempen ini atau untuk penebusan hadiah, BMMB berhak untuk membatalkan atau mengambil semula**

**hadiah berkenaan dan memberi hadiah yang sama kepada pemenang yang lain sebagaimana yang dapat ditentukan oleh BMMB sewajarnya.**

*If a winner is subsequently found to be ineligible to participate in the Campaign or claim the prize conferred, BMMB reserves the right to forfeit or reclaim the prize and confer the same on such other winner as may be determined in such manner as BMMB deems fit.*

**5. Tuntutan hadiah**

*Claim of prizes*

**5.1 Pemenang dikehendaki menuntut hadiah dalam tempoh 21 hari kalendar dari hari pengumuman nama-nama pemenang, hadiah yang tidak dituntut akan dibatalkan sekiranya gagal berbuat demikian.**

*Winners must claim prizes within 21 calendar days from the day of announcement of the winners, failing which the unclaimed prizes will be forfeited.*

**5.2 Untuk menuntut hadiah, pemenang mesti mengemukakan kad pengenalan mereka untuk pengesahan.**

*To claim for the prizes, the winners must produce their identification cards for verification.*

**5.3 Di dalam kes kematian di mana pelanggan adalah pemenang cabutan, hadiah boleh dituntut oleh waris dalam tempoh 21 hari kalendar dari tarikh kematian dengan mengemukakan Surat Kuasa Tadbir dan / atau dokumen sokongan yang boleh diterima BMMB, jika gagal BMMB berhak untuk memberikan hadiah tersebut kepada pemenang lain.**

*In the event of death of a customer who is a winner, his / her beneficiary may claim the prize within 21 calendar days from the date of demise by providing Letter of Administration and / or any supporting documents acceptable to BMMB, failing which BMMB reserves the right to forfeit the Prizes and select another winner*

**6. Terma-terma am**

General terms

**6.1 Pelanggan adalah dinasihati untuk membaca dan memahami Terma dan Syarat di sini sebelum mengambil bahagian di dalam mana-mana kempen dan/atau promosi kami.**

*Customers are advised to read and understand these Terms and Conditions before participating in any of our campaigns and/or promotions.*

6.2 **Dengan mengambil bahagian di dalam Kempen, pelanggan yang layak di anggap telah membaca, faham dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat serta bersetuju dengan segala keputusan pihak Bank di dalam setiap aspek Kempen, termasuk didalam pemilihan pelanggan yang layak, cabutan serta pemilihan pemenang adalah muktamad dan konklusif.**

*By participating in the Campaign, all Eligible Participants are deemed to have read, understood and agree to be bound by these Terms & Conditions and agree that any decisions of the Bank in relation to every aspect of the Campaign, including the determination of eligible participants, draw and selection of winner shall be final and conclusive.*

6.3 **Untuk mengambil bahagian di dalam kempen dan/atau promosi kami, Pelanggan mestilah termasuk didalam Kriteria Kelayakan dan memenuhi Mekanisma Kempen. Melainkan dinyatakan sebaliknya oleh pihak Bank, Pelanggan tidak perlu menandatangani atau melengkapkan apa-apa borang permohonan untuk mengambil bahagian di dalam kempen atau promosi tersebut.**

*To participate in our campaigns and/or promotions, Customers must fall within the Eligibility Criteria and fulfill the campaign mechanics. Unless stated otherwise by the Bank, Customers are not required to sign up or fill out any application form to participate in the said campaign or promotion.*

6.4 **Dengan mengambil bahagian di dalam Kempen ini dan dalam mematuhi Akta Perlindungan Data Peribadi 2010, pihak bank akan memelihara data peribadi Pelanggan dan Pelanggan dengan ini:**

i. **Membenarkan pihak Bank untuk mendedahkan maklumat peribadinya kepada penyedia perkhidmatan Bank setakat mana yang perlu untuk tujuan Kempen ini;**

ii. **Bersetuju untuk pihak Bank menerbitkan atau memaparkan nama-namanya atau gambar-gambar di dalam media pemasaran atau laman sesawang Bank untuk tujuan Kempen ini (mana-mana yang terpakai); dan**

ii. **Bersetuju dengan keputusan Bank terhadap semua perkara berkaitan dengan Kempen ini, pemilihan pemenang-pemenang dan hadiah-hadiah melalui enjin**

**cabutan umum Bank adalah muktamad, konklusif, dan mengikat ke atas semua Pelanggan.**

*By participating in this Campaign and in compliance with the Personal Data Protection Act (PDPA) 2010, the Bank shall protect the personal data of Customers and Customers hereby:*

*i. Give consent for the Bank to disclose their personal data to the Bank's service provider to the extent necessary for the purpose of this Campaign;*

*ii. Agree for the Bank to publish or display their names or photos in media, marketing or the Bank's Website for the purpose of this Campaign (where applicable); and*

iii. *Agree to the Bank's decision on all matters related to the Campaign. Selection of winners and prizes via the Bank's generic draw engine shall be final, conclusive and binding on all Customers.*

**6.5 Bank dan sekutunya berserta pengarah-pengarah, pegawai-pegawai, pekerja-pekerja dan ejen-ejen yang terlibat tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kesilapan dalam pentaksiran fakta, dan/atau sebarang kecederaan dan/atau kehilangan ke atas nyawa dan/atau kerugian harta benda berikutan hadiah yang dimenangi menerusi Kempen ini dan adalah tidak bertanggungjawab dalam apa cara sekalipun sama ada secara langsung atau tidak langsung, ke atas sebarang kerugian atau kerosakan atau apa-apa kecederaan peribadi dan/atau apa-apa yang dialami oleh Pelanggan yang berlaku secara langsung atau tidak langsung, secara keseluruhan atau sebahagian, berhubung dengan penyertaan Pelanggan dalam Kempen atau penerimaan atau semasa menggunakan Hadiah atau apa-apa yang dialami semasa dalam perjalanan untuk menebus atau mengambil hadiah dan/atau akibat daripada sebarang tindakan atau pengabaian apa juga dari pihak Bank, kecuali apa-apa liabiliti yang tidak dikecualikan oleh undang-undang. Bank tidak akan bertanggungjawab dalam apa cara sekalipun bagi segala urusan di luar bidang dan kawalan Bank dalam pentadbiran dan pemprosesan Kempen ini melainkan perkara tersebut adalah disebabkan oleh kecuaian besar dan tindakan salahlaku yang disengajakan oleh pihak Bank.**

*The Bank and its affiliates and their respective directors, officers, employees and agents shall not be liable for any misinterpretation on facts, and/or inflicted injuries and/or loss of lives and/or valuables resulting from the prizes won through the Campaign and shall not be liable, whether direct or consequential, for any loss and damage or for any personal injury and/or whatsoever suffered or*

*sustained by the Customers caused directly or indirectly, in whole or in part, in connection with this Campaign or their participation in the Campaign or the receipt or use of any of the prizes or may be suffered in the course of the prize giving travel and/or as a result of any act or omission on the part of the Bank whatsoever, except for any liability which cannot be excluded by law. The Bank shall not be responsible in any way whatsoever, in respect of any matters beyond the Bank's control with regard to this Campaign or anything related thereto unless such matters are attributed by the Bank's gross negligence and willful misconduct.*

**6.6 Bank berhak untuk meminda, membatalkan, menamatkan atau menggantung Kempen ini dengan memberikan notis yang secukupnya dalam tempoh tidak kurang daripada tujuh (7) hari sebelum tarikh pindaan, pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut. Kaedah pemberitahuan boleh dilakukan secara bertulis melalui media elektronik, atau dipaparkan di cawangan-cawangan Bank mahupun di laman sesawang Bank. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang pembatalan, penamatan atau penggantungan Kempen oleh pihak Bank, tidak membolehkan pelanggan-pelanggan yang menyertai Kempen ini membuat sebarang tuntutan atau pampasan terhadap Bank bagi sebarang kerugian atau kerosakan atau apa juga yang ditanggung atau dialami oleh pelanggan-pelanggan sama ada secara langsung dan tidak langsung akibat daripada pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut.**

*The Bank reserves the rights to amend, cancel, terminate, suspend the Campaign by providing a sufficient notice not less than seven (7) days prior to the date of amendment, cancellation, termination or suspension. The mode of notification could be in writing, via electronic means or display of notices at the Bank's branches and websites. For the avoidance of doubt, cancellation, termination or suspension by the Bank of the Campaign shall not entitle customers who participate in this Campaign to any claim or compensation against the Bank for any losses or damages whatsoever suffered or incurred as a direct and indirect result of the act of cancellation, termination or suspension.*

**6.7 Pelanggan adalah dinasihatkan untuk melayari laman sesawang Bank dari semasa ke semasa untuk menyemak Terma dan Syarat Kempen untuk mengambil maklum atas sebarang perubahan atau pindaan kepada Terma dan Syarat.**

*Customers are advised to access the Bank's Website from time to time to view the Terms and Conditions and to ensure to be kept up-to-date on any changes or variation to the Terms and Conditions thereof.*

6.8 **Terma dan Syarat di dalam ini adalah tambahan dan tanpa prejudis kepada terma dan syarat Pajak Gadai-i BMMB. Sekiranya ada di antara terma dan syarat tersebut yang tidak konsisten, Terma dan Syarat ini akan diguna pakai berhubung Kempen ini.**

*The Terms and Conditions herein contained are in addition to and without prejudice to the Pajak Gadai-i BMMB terms and conditions. In the event of any inconsistency between the terms and conditions, these Terms and Conditions shall prevail with regards to this Campaign.*

6.9 **Sekiranya terdapat ketidak-selarasan atau percanggahan di antara Terma dan Syarat di dalam versi Bahasa Inggeris dan terjemahannya, versi Bahasa Inggeris akan diguna-pakai. Sekiranya terdapat ketidak-selarasan di antara Terma dan Syarat ini dan mana-mana risalah, bahan-bahan pemasaran atau promosi yang berkaitan dengan kempen atau promosinya, Terma dan Syarat ini haruslah diguna pakai.**

*In the event of any inconsistency or discrepancy between the English version of these Terms and Conditions and the translation of these Terms and Conditions in any language, the English version shall prevail. In the event of any inconsistency between these Terms and Conditions and any brochures, marketing and promotional materials relating to the Campaign or its promotion, these Terms and Conditions shall prevail.*

6.10 **Semua pihak perlu memahami dan mematuhi Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (termasuk sebarang pindaannya). Bank berhak untuk melaporkan tindakan atau aktiviti yang disyaki bersifat jenayah kepada polis atau pihak berkuasa lain yang berkaitan termasuk menghentikan transaksi ini.**

*All parties are expected to understand and comply with the Malaysia Anti-Corruption Commission Act 2009 (including any amendment thereof). The Bank reserves the right to report any actions or activities suspected of being criminal in nature to the police or other relevant authorities and include to terminate the transaction hereof.*

**6.11 Semua Terma dan Syarat di dalam ini adalah tertakluk dan akan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk terikat dengan bidang kuasa Mahkamah-Mahkamah Malaysia.**

**Untuk maklumat lanjut, sila kunjungi cawangan Bank Muamalat atau hubungi kami di 03 2600 5500 atau layari laman sesawang kami di http://www.muamalat.com.my.**

*The Terms and Conditions herein shall be governed by and construed in accordance with the laws of Malaysia and customers agree to submit to the jurisdiction of the Courts of Malaysia.*

*For more information, please visit Bank Muamalat branches or call our Contact Centre and Customer Care at 03 2600 5500 or visit our website at http://www.muamalat.com.my.*